

Kurikulum Bahasa Arab

Tajuk:

PEMILIHAN DAN PELAKSANAAN STRATEGI PENGAJARAN BAHASA ARAB

Disediakan :

Harun bin Baharudin
(P 39145)

Pensyarah:

Dr. Nik Rahimi bin Nik Yusoff

Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
2007

TAJUK: PEMILIHAN DAN PELAKSANAAN STRATEGI PENGAJARAN BAHASA ARAB

1.0 PENDAHULUAN

Peter F. Oliva telah menyentuh dalam tulisannya yang bertajuk “ *Development of Curriculum*” mengenai gaya pengajaran, gaya pembelajaran, kemahiran mengajar, perancangan pengajaran. Penulisan ini bertujuan untuk mendedahkan beberapa idea yang disentuh mengenai kurikulum dan penulis cuba untuk melihat dari perpekstif bahasa untuk mengadaptasikan dalam kurikulum Bahasa Arab dari aspek gaya pengajaran, gaya pembelajaran, kemahiran mengajar, serta perancangan pengajaran. Di sini juga penulis cuba menukilkan beberapa pendapat serta idea daripada beberapa buah buku lain untuk tujuan menambah baik isi perbincangan.

2.0 DEFINISI GAYA PENGAJARAN (STYLE OF TEACHING):

Mengikut Peter F. Oliva, cara gaya mengajar ialah satu set yang mengandungi karektor personal dan sifat yang jelas seseorang individu sebagai pengajar yang unik. Faktor-faktor personal yang menjadikan seorang guru itu berbeza dengan yang lain, antaranya pakaian, bahasa/ percakapan, suara, gerak isyarat, bertenaga, ungkapan air muka/wajah, bermotivasi, menarik, bakat dramatik, intelek, dan keserjanaan.

Guru biasa diibaratkan seorang pembantu, aktor, kawan, ibubapa, penjelas kepada bahan subjek. Ini bergantung kepada cara gaya seseorang guru itu mengajar. Barbara Bree fischer dan Louis Fischer mendefinisikan gaya mengajar ialah suatu cara yang meyakinkan dalam tabiat individu. Ini menjelaskan bahawa gaya mengajar adalah tabiat kebiasaan yang meyakinkan dalam menyampaikan sesuatu sehingga boleh oarang mengaitkannya dengan imej sesuatu seperti artis, kawan dan sebagainya.

Fischer dan Fischer (Oliva. 1987), telah mengenal pasti beberapa gaya pengajaran seperti berikut:

Orientasi Tugas

Guru menerangkan bahan yang dipelajari dan mengarahkan pelajarnya membuat sesuatu tugas yang berkaitan. Pembelajaran akan ditentukan secara khusus bagi setiap pelajar dan satu sistem memantau sejauh mana pelajar dapat mencapai harapan gurunya disediakan.

Perancang Koperatif

Guru merancang pengajaran dan matlamat pengajaran dengan mendapatkan kerjasama daripada pelajar. Pendapat pelajar tidak sahaja didengar tetapi dihormati. Guru seperti ini menyokong dan menggalakkan penyertaan pelajar di semua peringkat.

Berpusatkan Pelajar

Guru menyediakan struktur untuk membolehkan pelajar belajar perkara yang mereka mahu atau yang mereka minati.

Berpusatkan Mata Pelajaran

Guru menumpukan kepada kandungan pelajaran yang tersusun dan dengan mengajar meliputi keseluruhan subjek mereka akan berpuas hati walaupun hakikatnya sedikit sahaja yang dapat dipelajari oleh pelajar.

Berpusatkan Pembelajaran

Guru memberi perhatian yang sama berat antara pelajar dan objektif kurikulum yang hendak dicapai. Mereka menolak penekanan yang mengutamakan kedua-dua yang berpusatkan pelajar dan berpusatkan mata pelajaran. Sebaliknya mereka membantu pelajar tanpa mengira kebolehan mereka ke arah pencapaian dalam pembelajaran mereka.

Berminat Dan Gembira

Guru menunjukkan minat dan kesungguhan dalam pengajaran mereka. Biasanya mereka menjadikan pembelajaran dalam kelas mereka menggembirakan.

Shulman (1986,1987) menyenaraikan tujuh kategori pengetahuan asas guru iaitu: kandungan pengetahuan, pengetahuan utama pedagogi, pengetahuan kurikulum,

pengetahuan kandungan pedagogi, pengetahuan tentang pelajar dan kerektor mereka, pengetahuan tentang kandungan pendidikan, dan pengetahuan tentang falsafah pendidikan (Evelyn J. Sowell.27. 2005). Guru juga digambarkan seorang yang pakar dalam meningkatkan kandungan pengetahuan mereka dalam bahan subjek yang mereka ajar dan pakar dalam belajar ilmu pedagogi atau bagaimana untuk mengajar pelajar (Ibid. 28). Pengetahuan guru dalam ilmu pedagogi menyebabkan seorang guru itu sentiasa bersedia bila berdepan dengan pelajar.

Sebagai seorang guru atau pensyarah secara sedar atau tidak memang mempunyai gaya mengajar yang tersendiri. Ada di kalangan guru itu didapati mesra dengan pelajar kerana banyak menasihati dan mengajar dengan cara yang lebih bertolak ansur. Ada pula guru yang lebih menekankan peraturan di dalam kelas dan mengajar pelajarinya mengikut perancangannya secara tegas. Oliva (1987), menerangkan gaya pengajaran sebagai satu set ciri-ciri peribadi dan tret yang menunjukkan dengan jelas seseorang individu sebagai seorang guru yang unik (Esah Sulaiman.42.2004). Faktor peribadi yang menjadikan seseorang guru itu berbeza antara satu sama lain ialah (Ibid. 42). Pakaian, bahasa, suara, gerak tangan (gestures), aras tenaga, ekspresi muka, motivasi, minat kepada manusia, bakat dramatik dan keserjanaan.

Grasha (1996), menghuraikan gaya pengajaran sebagai orientasi dan strategi yang digunakan oleh sesuatu institusi (Ibid. 43). Ada empat kelompok gaya pengajaran yang menggambarkan ciri-ciri seseorang pengajar atau profesor mereka bentuk pengajaran mereka:

1- Pakar atau autoriti formal (*expert* atau *formal authority*) yang cenderung ke arah pengajaran berpusatkan guru.

2- Model peribadi atau pakar atau autoriti formal (*the personal model* atau *expert* atau *formal authority*) yang cenderung kepada berpusatkan guru dan menekankan modeling dan tunjuk cara. Pendekatan ini menggalakan pelajar memerhati proses dan juga kandungan.

3- Fasilitator atau model peribadi (*The facilitator* atau *personel model*) cenderung kepada berpusatkan pelajar. Guru mereka bentuk aktiviti, interaksi sosial, dan penyelesaian masalah yang memberi peluang kepada pelajar mengaplikasi kandungan dalam mempraktikkan proses.

4- Pemberi tugas atau fasilitator (*The delegator* atau *facilitator*) yang meletakkan beban pembelajaran ke atas pelajar. Guru menyediakan tugas yang rmit untuk menggalakkan inisiatif pelajar dan biasanya menggunakan kerja kumpulan untuk menyiapkan kerja.

Walaupun terdapat beberapa gaya pengajaran yang diutarakan oleh Grasha, para guru hendaklah mempelbagaikan penggunaan gaya pengajaran mereka dan tidak mengamalkan satu gaya sahaja. Ini kerana mempelbagaikan gaya pengajaran dapat mengurangkan masalah perbezaan individu dari segi intelek, emosi, dan fizikal dikalangan pelajar.

Berdasarkan beberapa pendapat, didapati guru menggunakan pendekatan tertentu dalam pengajaran mereka yang membawa kepada gaya pengajaran yang berbeza. Biasanya guru akan memilih gaya yang selesa dengan dirinya. Namun begitu, perlu juga dipertimbangkan kesesuaian dengan kemampuan pelajar.

Menurut Jack. C. Richards (2001), dalam pengajaran Bahasa Inggeris, teras komponen pengetahuan guru termasuk berikutan:

Pengetahuan praktikal: himpunan guru mengenai teknik-teknik bilik darjah dan strategi-strategi

Pengetahuan kandungan : memahami subjek guru TESOL contohnya tatabahasa, pedagogi, fonologi, teori-teori pendidikan, pemerolehan bahasa kedua, serta wacana khusus dan istilah pengajaran bahasa

Pengetahuan mengikut konteks: kebiasaan dengan sekolah itu atau konteks institusi, melatih norma-norma, dan pengetahuan tentang pelajar-pelajar, termasuk kebudayaan dan lain maklumat berkaitan.

Pedagogi pengetahuan: kemampuan untuk menyusun semula pengetahuan untuk tujuan pendidikan dan untuk merancang, menyesuaikan, dan mengimprovisasi

Pengetahuan peribadi : kepercayaan peribadi dan lulus-lulus guru dan pendekatan individu untuk mengajar.

Pengetahuan reflektif: kemampuan guru untuk menggambarkan dan menilai amalan sendiri

Mengikuti prinsip dan konsep asas Pedagogi, pengajaran seorang guru bukanlah semata-mata menyampaikan kandungan pelajaran yang dikuasainya itu kepada muridnya. Sekiranya ia cuma berbuat demikian, ia belum lagi mengajar dalam erti kata yang sebenar kerana langkah tersebut belum lagi dapat menjamin prestasi pengajaran yang tinggi (Zawawi. 1988. 36). Untuk mencapai konsep tersebut, guru harus belajar untuk mengajar atau dalam erti kata yang lain guru perlu mengetahui secara mendalam akan aspek-aspek kaedah mengajar, teknik mengajar dan bagaimana caranya untuk menyampaikan isi-isi pelajaran kepada murid-murid. Ini disebabkan konsep 'pengajaran guru' dan 'pembelajaran murid' adalah satu konsep menggunakan pendekatan positif yang menggerakkan motivasi dalaman murid di samping menyampaikan isi pelajaran yang dikuasainya .

Konsep ini juga merupakan suatu usaha ke arah menimbulkan rasa perlu murid-murid untuk mengikuti pelajaran itu dan merasa rugi jika tidak dapat mengikuti pelajaran tersebut. Sebagai contoh, mata pelajaran Bahasa Arab di sekolah sekarang kurang diminati oleh murid-murid kerana mereka tidak nampak keperluannya. Lantaran itu, jika guru menyampaikan isi pelajaran ini kepada mereka, mereka tidak menghayati apa yang diajar. Dengan menggunakan konsep 'pengajaran guru dan pembelajaran murid' atau menggunakan pendekatan yang positif tadi, diharap ia dapat menggerakkan motivasi dalaman murid sehingga mereka dapat mengubah sikap menilai pelajaran Bahasa Arab. Dengan itu juga mereka akan menghayati pengajaran-pengajaran yang diberikan kepada mereka dengan rasa kesedaran.

Menurut al Ghazali, apabila seseorang guru mula mengajar, ini menandakan ia telah mahu memikul suatu tugas berat. Antaranya:

- 1- Penyayang kepada para pelajar dan memperlakukan mereka sebagai anak-anaknya sendiri. Baginya, hak guru adalah lebih besar daripada hak ibu bapa kerana ibu bapa hanyalah melahirkan dan menghadirkan anak di dunia fana ini manakala guru adalah pembawa kepada kehidupan kekal di akhirat (zawawi. 1988.9).
- 2- Guru hendaklah mencontohi Rasulullah iaitu jangan mengajar untuk mendapatkan upah atau balasan dan ucapan terima kasih. Malahan guru kena menganggap bahawa murid-murid lebih berjasa kerana telah membukakan hati mereka untuk mendekati Allah dengan ilmu.
- 3- Sentiasa menasihati para pelajar dalam segala hal. Selalu mengingatkan pelajar bahawa tujuan belajar ialah untuk mendekati diri kepada Allah.
- 4- Guru yang mengajar sesuatu ilmu tidak harus memandang rendah terhadap ilmu-ilmu lain.
- 5- Memberi pelajaran hendaklah mengikut ukuran kefahaman murid. Dilarang memberi sesuatu pelajaran yang tidak boleh difahami oleh murid-murid.
- 6- Pelajar yang kurang memahami hendaklah dijelaskan lagi. Jangan menyebutkan bahawa dibalik ini ada lagi analisis mendalam. Dan ini boleh mengurangkan minat pelajar terhadap pelajaran.
- 7- Seorang guru hendaklah mengamalkan ilmunya sehingga ucapannya tidak berlawanan dengan perbuatannya.

Begitulah pandangan al Ghazali mengenai guru yang mana ianya sangat berkaitan dengan gaya pengajaran seorang guru dalam mendekati muridnya.

3.0 GAYA PEMBELAJARAN (STYLE OF LEARNING)

Menurut Oliva, cara pendekatan seorang guru memerlukan hubungan dengan ciri-ciri pelajar itu belajar. Antara ciri-ciri pelajar yang disebutkan ialah bersungguh-sungguh, bodoh, mampu berdikari, lembab, bijak, dan berpandangan jauh. Dan Britzman pula menambah ciri-ciri pelajar ialah pelajar yang berjaya ialah mereka yang terdiri dari mereka yang boleh membaca teks guru mereka.

Kebiasaannya, ada terdapat pelajar yang boleh belajar dengan adanya tekanan. Ada juga yang tidak boleh dengan situasi begitu. Ada yang memerlukan petunjuk sedikit atau banyak. Ada juga di antara mereka yang pandai bercakap, ada yang pandai menulis, ada yang boleh belajar secara abstrak dan ada yang boleh belajar dengan adanya material.

Setiap individu mempunyai cara belajar tersendiri. Terdapat pelajar yang suka belajar dalam keadaan senyap, membaca, dan membuat catatan atau melakar grafik untuk memudahkan pemahaman dan meningkatkan ingatan. Ada yang lebih suka berbincang dalam kumpulan kecil dan ada yang suka belajar sambil mendengar muzik rancak. Pelajar juga perlu mengenal pasti gaya pembelajaran yang disukainya agar dapat membantu mereka belajar dengan lebih berkesan. Dengan memahami gaya pembelajaran ini sebagai gaya pembelajaran mereka.

Litzinger dan Osif (1993) memerihalkan gaya pembelajaran ini sebagai cara belajar berfikir yang berbeza-beza dikalangan orang dewasa dan kanak-kanak. Menurut mereka terdapat beberapa proses dalam gaya pembelajaran, iaitu:

- 1) **Kognisi**: Bagaimana seseorang itu memperolehi pengetahuan.
- 2) **Konseptual** : Bagaimana seseorang itu memproses maklumat. Ada yang mencari perkaitan antara perkara yang tiada kaitan, manakala ada yang melihat setiap perkara mencetuskan idea lain.
- 3) **Efektif** : Motivasi, gaya membuat keputusan, nilai dan aspek emosi menerangkan gaya pembelajaran pelajar.

Montgomery (1995), telah mengutarakan gaya pembelajaran yang dikenali sebagai Solomon's Inventory yang mempunyai empat dimensi. Menurutnya, inventori ini lebih mudah digunakan berbanding dengan gaya pembelajaran Kolb, iaitu:

Pemprosesan

Pelajar yang aktif belajar dengan cara yang paling baik dengan melakukan sesuatu yang berbentuk fizikal menggunakan maklumat. Pelajar itu juga bersifat reflektif dengan membuat proses dalam minda mereka.

Persepsi

Pelajar membuat perepsi atau pemerhatian terhadap data dan fakta. Mereka juga bersifat intuitif, iaitu sukakan teori dan interpretasi tentang maklumat berbentuk fakta.

Input

Pelajar visual sukakan carta, diagram dan gambar. Pelajar verbal pula sukakan perkataan yang disebut atau ditulis.

Pemahaman

Pelajar yang memahami sesuatu dalam bentuk urutan membuat perkaitan linear antara langkah-langkah secara individu. Pelajar yang memahami sesuatu secara menyeluruh atau global pula mesti mendapatkan gambaran yang besar atau menyeluruh sesuatu keadaan sebelum mencantumkan serpihan atau bahagian-bahagian yang kecil.

Kolb juga mengemukakan teori gaya pembelajaran yang agak terperinci, iaitu gaya pembelajaran dilihat sebagai satu kontinum seperti berikut:

- 1- **Pengalaman konkrit** : terlibat dalam pengalaman baru.
- 2- **Pemerhatian reflektif**: memerhati orang lain atau membina pemerhatian tentang pengalaman sendiri.
- 3- **Pengkonsepsualan abstrak**: mencipta teori untuk menerangkan pemerhatian
- 4- **Eksperimen aktif**: menggunakan teori untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.

Hartman (1995), telah memberikan contoh bagaimana menggunakan gaya pembelajaran Kolb dalam pengajaran:

- 1- **Pengalaman konkrit** : pengajaran hendaklah menggunakan makmal, kerja lapangan dan pemerhatian
- 2- **Pemerhatian reflektif**: pengajaran hendaklah menggunakan buku log, jurnal atau sumbangsaran.
- 3- **Pengkonsepsualan abstrak**: pengajaran melalui kuliah, kertas kerja, dan analogi.
- 4- **Eksperimen aktif**: pengajaran menggunakan simulasi, kajian kes, dan kerja rumah.

Gardner (1983), pula melihat gaya pembelajaran daripada sudut yang berbeza kerana pelajar mempunyai pelbagai kecerdasan. Terdapat pelajar yang mempunyai visual, dan kecerdasan logikal. Pemahaman terhadap pelbagai kecedasan ini membantu guru dalam mengaplikasikan kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai disamping dapat meningkatkan kecerdasan lain dalam diri pelajar (Esah Sulaiman. 47. 2004)

Cara pembelajaran yang berbeza di kalangan murid adalah sama cara pengajaran di kalangan guru. Malah ia lebih berbeza memandangkan mereka lebih ramai. Guru-guru mesti mengenalpasti pendekatan cara mereka mengajar boleh menyempang. Cara pengajaran tidak boleh digunakan sama sahaja sebagai mana strategi pengajaran. Cara bukan tetap.

Dua persoalan yang timbul tentang pengajaran? Bolehkah seorang guru mengubah cara pengajaran dan adakah ianya harus diubah. Dengan berkehendak untuk mengubah, latihan yang sesuai melalui kaunseling atau terapi sekiranya diperlukan, seorang guru boleh mengubah caranya. Berlawanan dengan kepercayaan terdahulu, manusia boleh dan sememangnya berubah. Kekadang pertukaran personaliti berdasarkan model terhadap sikap orang lain yang penting terhadap individu tersebut. Kekadang juga sesuatu krisis atau trauma mengubah personaliti. Semua agama berkongsi dasar yang sama bahawa individu boleh mengubah sikap mereka. Dan demikian itu berubah boleh walaupun ia tidaklah mudah. Barangkali persoalan yang lebih besar, adakah harus seorang guru mengubah cara mereka. Tiga jawapan diberi kepada persoalan ini.

Pertamanya, memerlukan keupayaan untuk berubah. Sebuah sekolah pemikiran berpegang bahawa cara pengajaran seorang guru mesti bersesuaian dengan murid. Akibatnya, kita akan melihat sesuatu analisis tentang cara guru dan murid secara hormatnya, kemudian kumpulan pelajar dan guru dalam keadaan sesuai. Guru-guru dan murid akan mengikut cara mereka sendiri. Sekilas pandang, tidak mengendahkan kerumitan analisis cara dan membentuk kumpulan bersama dengan kumpulan guru yang sesuai, kedudukan ini kelihatan munasabah dan logik. Hubungan baik antara guru dan murid akan menjadi lebih tinggi dan suasana di kelas

akan lebih menjurus kepada pembelajaran. Herbert A. Thelen telah menyokong konsep menyesuaikan guru dan pelajar ini.

Menurut sekolah pemikiran yang kedua pula, terdapat berapa merit dalam mendedahkan pelajar kepada pelbagai personaliti di sekolah supaya mereka boleh belajar supaya mereka boleh interaksi dengan pelbagai jenis manusia. Richard menyokong yang kedua ini berdasarkan komennya:

”Kunci terhadap ketinggian semua organisasi sekolah ialah kurangnya usaha untuk mengawal kepelbagaian cara mengajar dan cara pembelajaran. Sekolah jarang berusaha untuk menyesuaikan cara pembelajaran kepada cara pengajaran. Sekolah akan menjadi sandaran kepada penyatuan sosial. Kalangan kumpulan pelajar, sebahagian mereka dapat menerima cara pendekatan guru berbanding yang lain. Kekuatan sekolah secara kolektif tersandar di dalam hakikat bahawa dalam satu tempoh yang panjang pelajar terdedah kepada cara pengajaran yang berbeza. Melalui kebaikan kepelbagaian ini semua melainkan sebahagian pelajar adalah terdedah kepada beberapa pengajaran di mana mereka sedia untuk diadaptasikan dan kepada sebahagian yang perlu berusaha”.

Respon untuk soalan ketiga samada seorang guru harus mengubah caranya berdasarkan kedudukan seorang guru haruslah fleksibel. Dengan menggunakan lebih dari satu cara terhadap satu kumpulan pelajar yang sama atau kumpulan pelajar yang berbeza. Jawapan ini menggabungkan kedua-dua respon yang pertama dan kedua. Guru-guru mempelbagaikan cara mereka sekiranya mereka mampu untuk kumpulan pelajar tertentu dan pada masa yang sama terdedah kepelbagaian cara. Apa jua strategi yang dipilih ia mesti dikenali kepada cara guru-guru yang tersendiri. Kerana itulah ia penting bagi guru-guru untuk mengenal siapa mereka, apa mereka dan apa yang mereka percaya. Rita dan Kenneth berbicara tentang kesan sikap guru-guru dan keyakinan terhadap cara pengajaran mereka.

Cara gaya dan method digunakan secara longgar dan sering berubah di dalam literature dan profesional. Ficsher dan Fiscehr mengingatkan gaya tidak boleh beridentitikan dengan method. Bagi orang akan mengadaptasikan method yang berbeza dengan cara mereka sendiri. Contohnya, ceramah bukan satu gaya dalam

persepsi kami. Bagi mereka yang mempunyai cara tersendiri akan menggunakan ceramah mereka yang dihormati dengan kualiti mereka tersendiri yang unik.

Mengenali murid beerti mempelajari corak pemikiran dan perasan mereka supaya memahami sifat-sifat dan tingkah laku mereka agar guru dapat bertindak wajar kepada mereka. Ini sedikit sebanyak dapat membantu guru dalam memilih gaya pengajaran dan pembelajar yang sesuai.

4.0 MODEL-MODEL PENGAJARAN

Gaya pendidikan merupakan satu set yang memperibadikan kelakuan guru, manakala sebuah model pendidikan adalah satu set umum mengenai kelakuan yang menekankan atau menyediakan satu strategi tertentu. Sebagai contoh, syarahan adalah satu strategi atau kaedah pengajaran. Bersyarah adalah strategi yang berpengaruh merupakan model pensyarah yang memuaskan hati. Kontras di antara model dan gaya bersedia memperlihatkan oleh seseorang siapa hadir persembahan-persembahan yang diberikan oleh dua orang pensyarah yang berbeza.

Bruce Joyce dan Marsha Weil mentakrifkan sebuah model pendidikan menurut ini: ” *Sebuah model untuk pendidikan adalah satu rancangan yang boleh digunakan untuk membentuk kurikulum (kursus pengajian jangka panjang) untuk merekabentuk bahan-bahan pengajaran dan untuk membimbing pengajaran dalam bilik darjah. Mereka juga berkata model-model mengajar adalah model pengajaran yang betul. Peranan model atau pengajaran adalah sama seperti kaedah atau strategi. Sebagai contoh apabila guru berperanan sebagai penyoyal, menyoyal adalah strategi pengajaran atau kaedah. Jika guru mengarahkan pelajar-pelajar dalam menggunakan perisian komputer dalam satu tajuk tertentu, pengajaran dibantu komputer adalah kaedah. Sebaliknya, jika langkah-langkah guru sebagai seorang fasilitator- satu peranan lebih luas- sebilangan strategi-strategi atau kaedah-kaedah pengajaran boleh digaji. Pelajar-pelajar boleh memilih sendiri bahan-bahan, membentuk sendiri soalan-soalan, dan mengkritik kerja mereka sendiri, semua di bawah penyeliaan guru*”.

Bruce mengatakan ada dua puluh lima buah model mengajar. Joiye, Weil dan Beverly menggambarkan sampai enam belas buah model dikumpulkan di bawah empat kategori, iaitu:

- 1- Kemasyarakatan
- 2 - Pemrosesan maklumat
- 3- Peribadi, dan
- 4- Kelakuan sistem-sistem.

4.1 Model Perlu Kepada Kepelbagaian

Kepelbagaian jenis model adalah penting untuk menjamin kejayaan dalam pendidikan. Pendedahan yang berterusan untuk satu model sahaja menjurus kepada keresahan dan kebosanan terhadap sebahagian pelajar. Sebagai contoh, seorang guru membangunkan satu model yang berjaya dan rakan-rakan sekerjanya mengaguminya. Dalam mereka yang lain sedang mencari kaedah yang 'tepat' dan terbaik, mereka mencontohi rakan mereka itu, yang mana setiap guru menyerapkan modelnya. Boleh kita bayangkan apakah yang terjadi sekiranya setiap guru adalah ghairah mengenai penemuan kaedah, sebagai contoh, dan satu percubaan untuk menggunakannya untuk melarang masuk model-model lain? Ianya pasti satu kebosanan kepada pelajar dan juga guru.

Sepatutnya sesuatu model mestilah serasi dan sesuai dengan kedua-duanya iaitu gaya pengajaran guru dan gaya pembelajaran pelajar disekolah.

5.0 KONSEP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

Setelah dibincangkan dengan panjang lebar mengenai gaya pengajaran, gaya pembelajaran dan model pengajaran, kita perlu lihat dan menyesuaikannya dengan konsep pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang mana ianya memerlukan satu pendekatan yang sesuai dengan situasi murid terutamanya di Malaysia. Berdasarkan teori-teori pemerolehan dan pembelajaran bahasa terdapat pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab boleh dilaksanakan di sekolah. Namun begitu, pendekatan komunikatif dicadangkan untuk dilaksanakan di sekolah kerana

sifat dan tujuan bahasa itu sendiri ialah untuk berkomunikasi dengan pencipta, manusia dan alam.

Asas manhaj dalam pembelajaran bahasa Arab ada tiga iaitu : asas mendidik, asas individu dan asas kemasyarakatan. Dan dari tiga asas ini menghasilkan empat manhaj dalam pembelajaran bahasa Arab iaitu manhaj Nahu, manhaj persekitaran, manhaj pemikiran dan manhaj kepelbagaian yang luas (Mujahid Mustafa Bahjat. 5. 2004). Dari empat manhaj ini pula akan melahirkan beberapa pendekatan antaranya pendekatan kemanusiaan, pendekatan teknik, pendekatan analisis dan bukan analisis serta pendekatan komunikasi.

Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab perlu mengikut prinsip-prinsip berikut:

- 1- Bahasa yang digunakan mestilah bahasa fusha yang diterima oleh penutur jati.
- 2- Pengajaran Bahasa Arab haruslah berdasarkan pengajaran lisan.
- 3- Bahan-bahan pengajaran hendaklah dipilih, disusun, dikawal dan diperingkatkan.
- 4- Penguasaan Bahasa Arab perlulah mengikut susunan bermula dengan kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis.
- 5- Aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan bermakna perlulah dirancang, dijalankan dan dinilai.

Pakar-pakar bahasa telah menggariskan beberapa prinsip penting bagi menjalankan pengajaran dan pembelajaran bahasa mengikut pendekatan komunikatif ini. Antaranya:

- 1- Aktiviti komunikatif perlulah diperbanyakkan dan dipelbagaikan serta dapat menarik minat pelajar.
- 2- Sesuatulah aktiviti mestilah dijalankan oleh pelajar sendiri dan guru hanya berfungsi sebagai fasilitator.
- 3- Aktiviti dijalankan dalam situasi sebenar.

Guru pula perlu mempunyai satu panduan yang memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan selain daripada sukatan pelajaran Bahasa Arab dan huraianya. Buku panduan itu bertujuan untuk:

- 1- Memberi pendedahan tentang kaedah-kaedah dan teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dan berkesan
- 2- Mempelbagaikan teknik pengajaran dan pembelajaran yang digunakan pada masa kini dan didalam masa yang sama memperluaskan penggunaanya di seluruh negara.
- 3- Memfokuskan proses pengajaran dan pembelajaran mengikut aras kemampuan murid iaitu:
 - a) Aras 1: untuk semua pelajar
 - b) Aras 2: untuk murid baik
 - c) Aras 3: untuk murid cemerlang

6.0 KEMAHIRAN UMUM DAN KEMAHIRAN KHUSUS

6.1 Kemahiran Mengajar (Teaching Skill)

Setiap guru wajar mempunyai beberapa kemahiran asas dalam pengajaran sebelum mengajar. Dengan menguasai teknik asas dalam pengajaran dapat membantu guru mengajar dengan lebih yakin dan berkesan. Sehingga ke tahap ini kita telah berbincang tentang cara-cara dan model-model pengajaran. Kedua-duanya berhubung kait untuk memilih strategi atau method yang sesuai. Di sini kita menambah yang ketiga untuk menghasilkan strategi pengajaran yang terpilih iaitu kemahiran mengajar. method boleh digunakan sekiranya ia belum lagi dibawa dengan maksud strategi dan model. Sebagai contoh, strategi syarahan sama dengan model syarahan. Untuk mendapatkan satu terma yang baik, kami guna perkataan pendekatan untuk menunjukkan hubungkait antara tiga perkara utama iaitu gaya, model dan kemahiran.

6.1.1 Kemahiran Umum

Guru ialah seorang yang bersikap konsisten ialah yang memainkan peranan sebagai fasilitator (model). Bersifat seperti kawan, tenang dan mempunyai kemahiran dalam

menasihati, kaunseling, dan berkhidmat sebagai orang rujukan (kemahiran). Fasilitator ialah model guru dan pembimbing dalam pembelajaran merupakan strategi pengajaran guru (method).

Apakah kemahiran yang berkait dengan pendekatan tertentu? Contohnya, apakah kemahiran yang dikehendaki dalam pembelajaran- satu metod yang digunakan pada sesuatu masa atau lain oleh kebanyakan guru? Oliva menyenaraikannya seperti berikut:

- Kemampuan menyebut perkataan
- Menggunakan nahu dan struktur ayat yang betul;
- Keupayaan membaca ekspresi wajah pelajar;
- Keupayaan mengekalkan menarik;
- Keupayaan menghubungkan kandungan yang lepas dan akan datang pengalaman pelajar;
- Keupayaan bercakap mengikut tahap audien;
- Keupayaan berdepan dengan kekacauan;
- Keupayaan mengira pemikiran;
- Keupayaan mengatur idea;

Semua keupayaan tersebut merupakan kemahiran utama guru. Kami akan mentakrifkan kemahiran utama mengajar (generik teaching skill) sebagai kemahiran mengajar atau keupayaan-keupayaan yang menyeluruh dalam setiap keadaan dan boleh digunakan oleh guru-guru dalam pelbagai bidang dan tahap.

Soalan sama ada mengajar adalah satu seni atau sains telah diujahkan telah sekian lama. Oliva menyenaraikan antara keupayaan atau kemahiran umum yang perlu bagi seorang guru:

- 1- Berkaitan pengetahuan kemasyarakatan fizikal dan corak-corak pembangunan yang akademik dan perbezaan individu, untuk memenuhi keperluan pengajaran semua pelajar dalam bilik darjah dan untuk menasihati pelajar mengenai keperluan itu

- 2- Menambah perasaan maruah ' dan harga diri dan nilai orang lain termasuk yang daripada kaum yang lain, kumpulan-kumpulan kebudayaan , linguistik dan menguntungkan
- 3- Menyusun dan menguruskan suasana fizikal untuk memudahkan arahan dan memastikan keselamatan pelatih
- 4- Mengiktiraf tanda-tanda emosional yang teruk dalam kalangan pelajar-pelajar dan membuktikan kesedaran sesuai dengan gangguan dan menggunakan rujukan tatacara.
- 5- Mengiktiraf tanda-tanda alkohol dan penyalahgunaan dadah dalam pelajar-pelajar dan kesedaran membuktikan gangguan dan sesuai dengan rujukan tatacara
- 6- Mengiktiraf fizik nyata dan kelakuan penunjuk-penunjuk penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak, mengetahui hak-hak dan tanggungjawab-tanggungjawab mengenai pelaporan dan bagaimana untuk berinteraksi sesuai dengan seorang kanak-kanak setelah satu laporan telah dibuat
- 7- Merumuskan satu standard untuk perilaku pelajar dalam bilik darjah
- 8- Berurusan dengan gangguan salah laku, gangguan, dan penyelewengan tajuk dalam cara-cara yang menggalakkan momentum pengajaran
- 9- Menentukan tahap pengetahuan kemasukan dan / atau kemahiran pelajar-pelajar untuk bagi satu set objektif-objektif pengajaran menggunakan guru ujian-ujian diagnostik pemerhatian-pemerhatian dan pelajar rekod-rekod
- 10- Mengenal pasti matlamat-matlamat jangka panjang untuk satu kecenderungan keluasan perkara.
- 11- membina dan jujukan-jujukan berhubung julat dekat objektif-objektif untuk satu keluasan perkara khas
- 12- Memilih, menyesuaikan diri dan / atau membangunkan bahan-bahan pengajaran untuk bagi satu set objektif-objektif pengajaran dan keperluan pembelajaran pelajar
- 13- Memilih / membangunkan dan berturut turut belajar aktiviti-aktiviti bahawa adalah sesuai untuk objektif-objektif dan pelajar pengajaran keperluan
- 14- Menggunakan waktu peringkat dengan cekap
- 15- Berhubung dengan berkesan menggunakan bahasa dan kemahiran-kemahiran yang tanpa kata kata

- 16- Membibitkan dan memelihara pusat keilmuan dengan menggunakan bahasa, tanpa kata kata dan / atau alat-alat motivasi yang visual
- 17- Membentangkan bentuk pengetahuan sebagai konsep-konsep seperti, hukum dan perundangan seperti lunas-lunas, peraturan dan nilai akademik pengetahuan
- 18- Membentangkan arahan-arahan sesuai untuk membawa tanpa satu kegiatan pengajaran
- 19- Merangsang dan mengarahkan pemikiran pelajar, dan memeriksa pemahaman pelajar teknik-teknik menyoal yang sesuai dan terus
- 20- Menyediakan amalan sesuai untuk menggalakkan pembelajaran dan pengekalan
- 21- Berbaik dengan bahasa komunikasi pelajar-pelajar dalam cara-cara yang menggalakkan penyertaan dan mengekalkan pusat keilmuan
- 22- Menggunakan prosedur-prosedur maklum balas memberi maklumat itu untuk pelajar-pelajar mengenai kesesuaian jawapan-jawapan mereka
- 23- Kelakuan kajian semula hal perkara'
- 24- Membina atau memasang ujian-ujian bilik darjah dan tugaskan mengukur pencapaian pelajar objektif-objektif
- 25- Menubuhkan satu ujian bersuasana dalam pelajar-pelajar boleh secara sah menunjukkan pengetahuan mereka dan / atau kemahiran dan menerima mengenai kualiti maklumat yang mencukupi prestasi peperiksaan mereka
- 26- Menggunakan satu sistem yang berkesan untuk memelihara rekod-rekod pelajar dan kemajuan kelas.
- 27- Menggunakan komputer-komputer dalam pendidikan

6.1.2 Kemahiran Khusus (Special Teaching Skills)

Sebaliknya, kemahiran khusus mengajar adalah keupayaan khusus yang mesti di tunjukkan oleh guru-guru dalam bidang tertentu atau tahap. Guru bahasa asing contohnya, mesti berkemahiran dalam kecekapan yang menyeluruh pelbagai rangsangan, juga berkemahiran pada merancang rangsangan unik khusus untuk bahasa yang diajar. Kemahiran menterjemah satu bahasa ke dalam bahasa lain adalah

kemahiran khusus guru bahasa asing, bukan suatu bakat yang mesti dikuasai oleh semua guru.

Dalam konteks pendidikan bahasa, dalam kita menghuraikan kemahiran-kemahiran guru-guru, ia perlu membandingkan guru-guru sama ada mereka itu terlatih atau tidak terlatih dan mereka adalah baru atau berpengalaman. Dimensi latihan merujuk kepada pemilikan satu kelayakan profesional dalam pengajaran bahasa; dimensi pengalaman pula merujuk kepada pengalaman bilik darjah (Jack C. Richard. 210. 2001). Latihan permulaan guru lazimnya disusun untuk memberi guru-guru apa yang boleh dipanggil "kecekapan teknikal asasi". Satu kelayakan asas yang diajar untuk guru-guru bahasa, menumpukan pada enam bahagian pendidikan asasi kemahiran-kemahiran, iaitu:

- kesedaran bahasa
- pelajar, guru dan pendidikan / konteks pembelajaran
- merancang pendidikan berkesan bagi pelajar dewasa
- pengurusan bilik darjah dan kemahiran-kemahiran mengajar
- sumber-sumber dan bahan-bahan untuk mengajar
- pembangunan profesional

7.0 PERANCANGAN PENGAJARAN

Rancangan kerja merupakan suatu program yang disediakan oleh pengajar berdasarkan Sukatan Pelajaran bagi sesuatu mata pelajaran yang akan diajarkan. Tujuan menyediakan rancangan kerja ini adalah sebagai panduan asas dalam melaksanakan program pengajaran dan pembelajaran bagi sesuatu mata pelajaran. Dengan adanya rancangan kerja ini, pengajar boleh melaksanakan program pengajaran dan pembelajarannya berdasarkan sukatan pelajaran secara sistematik serta mengikut pemeringkatan yang sesuai. Biasanya, rancangan kerja meliputi rancangan kerja tahunan, rancangan kerja semester, rancangan kerja mingguan dan rancangan kerja harian (Mok Soon Sang. 4.2006). Menurut Oliva, perancangan pengajaran melibatkan pemilihan beberapa komponen seperti:

- matlamat
- objektif

- strategi
- sumber-sumber pembelajaran
- teknik-teknik penilaian

7.1 Kepentingan Rancangan Kerja Pengajaran –Pembelajaran

Antara kepentingan rancangan kerja ialah:

- 1- Membolehkan pengajar membuat kajian dan pentafsiran terhadap sukatan pelajaran bagi mata pelajaran bagi mata pelajaran yang diajarnya.
- 2- Membolehkan pengajar memilih kemahiran-kemahiran dan isi pelajaran yang terdapat dalam sukatan pelajaran untuk disusun dalam rancangan kerja mengikut pemeringkatan yang sesuai.
- 3- Membolehkan pengajar merancang pelajaran berdasarkan kepada rancangan kerjanya
- 4-Membolehkan pengajar melaksanakan program pengajaran dan pembelajaran berdasarkan sukatan pelajaran mengikut jadual
- 5- Membolehkan pengajar menentukan strategi pengajaran terlebih dahulu
- 6- Membolehkan pengajar menyediakan alat bantu mengajar untuk aktiviti pengajaran –pembelajaran.
- 7- Selain itu, persediaan mengajar boleh membantu pengajar menilai dan membuat pengubahsuaian terhadap objektif pelajaran dan langkah-langkah penyampaian dalam waktu pelajaran yang selanjutnya.
- 8- Persediaan mengajar merupakan dokumen yang merkodkan aktiviti –aktiviti pengajaran pengajar. Oleh itu, ia dapat membantu pengajar menyemak apa yang telah diajarkan supaya dia boleh merancang pengajaran selanjutnya atau menggunakannya

untuk menggubal soalan ujian berdasarkan isi pelajaran yang telah dipelajari oleh pelajar-pelajarnya.

9- Dengan adanya persediaan mengajar, pengajar boleh mengajar dengan lebih berkeyakinan.

7.2 Penyediaan Rancangan Pengajaran Bahasa Arab

Cara menyediakan rancangan pengajaran (teori).

- 1- **Menentukan situasi (تحديد الموقف)**. Menentukan situasi seperti ”الأسرة”.
- 2- **Menentukan tajuk (تعيين الموضوع)**. Menentukan tajuk yang akan diajar berasaskan ’al mauqif’ seperti: ’زيارة الأسرة’
- 3- **Menentukan isi kandungan (تحديد الأفكار)**. Menentukan isi kandungan yang akan diajar berdasarkan ’al Maudu’, yang telah ditentukan seperti:
 - *al ashwat (الأصوات)*: penekanan dari segi sebutan yang betul mengikut makhraj huruf arab seperti: sebutan ” ق “ dalam perkataan ” حقل “ , ’ قرية ‘ , ’ بقرة ‘ atau membezakan sebutan ’ ك ‘, dalam perkataan ’ سمك ‘ , ’ مكان ‘ , ’ سوق الفواكه ‘.
 - *al kalimat (الكلمات)*: mendengar sebutan perkataan arab dan menyebutnya kembali seperti: ’ السوق ‘ , ’ الفواكه ‘ , ’ المزارع ‘ , ’ المكينة ‘ , ’ الحصاد ‘ , ’ الأسواق ‘.
 - *al tarakib (التراكيب)*: penekanan kepada frasa kata yang akan dipelajari pada tajuk tersebut seperti: ’ سوق الفواكه ‘ , ’ مزارع المطاط ‘ , ’ حقل الأرز ‘ , ’ الأجازة المدرسية ‘ , ’ نهاية ‘ , ’ الأسبوع ‘.
 - *al jumal wa al I’barat (الجمل والعبارة)*: penekanan kepada rangkai kata dan ayat lengkap dengan gaya dan intonasi dalam Bahasa Arab yang betul seperti : ’ كيف حالك ‘ .
- 4- **Menentukan objektif khas (تحديد الأهداف الخاصة)**: menentukan objektif khas yang hendak dicapai berasaskan isi kandungan yang hendak diajar dengan menggabungkan kemahiran-kemahiran asas dan merentas kurikulum.
- 5- **Menentukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (تحديد الأنشطة التعليمية والتعلمية)**: menentukan aktiviti yang sesuai dengan objektif yang dipilih.

6- **Proses pengajaran (عملية التدريس)** : melaksanakan proses pengajaran mengikut rancangan pelajaran harian dalam masa yang ditentukan merangkumi kemahiran-kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

7- **Penilaian pelajaran (تقييم الدرس)**: penilaian hasil pengajaran dan perlu dan lakukan dengan latihan yang sesuai berdasarkan kemahiran atau topic yang difokuskan.

8- **Pengukuhan (التعزيز)**: pengukuhan boleh dilakukan dengan berbagai cara, antaranya:

- meminta murid mengingati hiwar yang telah dipelajari untuk diuji pada waktu seterusnya.
- meminta murid mengingati tarkib yang telah dipelajari dalam teks tersebut dan berlatih menggunakannya dalam

9- **Penilaian sendiri (التقييم الذاتى)** : guru menilai kekuatan dan kelemahan pengajaran serta membuat tindakan susulan untuk memperbaiki kelemahan atau kekurangan yang ada.

8.0 KAITAN ANTARA RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN DENGAN RANCANGAN SEMESTER

8.1 Rancangan Kerja Harian

Rancangan kerja harian haruslah disediakan berdasarkan rancangan kerja mingguan. Antara perkara-perkara yang harus dipertimbangkan semasa menyediakan rancangan kerja harian ialah hari, tarikh, tingkatan/ unit, waktu pengajaran, isi pelajaran, objektif pelajaran dan aktiviti pengajaran–pembelajaran. Isi pelajaran harus dipilih berdasarkan kepada topik yang disediakan dalam rancangan kerja mingguan. Manakala objektif pelajaran hendaklah ditentukan berdasarkan kepada kemahiran yang tercatat dalam rancangan kerja mingguan (Mok Soon Sang. 5. 2000)

8.1.1 Contoh Format Rancangan Kerja Harian

| Hari: Tarikh: | | | |
|---------------------------|---------------|--------------------|--|
| Tingkatan/ unit dan waktu | Isi pelajaran | Objektif pelajaran | Aktiviti/ strategi pengajaran pembelajaran |
| | | | |

8.2 Rancangan Semester

Rancangan kerja semester pula haruslah disediakan berdasarkan rancangan kerja tahunan. Rancangan kerja semester haruslah mengandungi butir-butir penting seperti topik pelajaran, kemahiran, penerapan nilai serta strategi pengajaran dan pembelajaran. Rancangan mengajar semester harus disediakan sebelum itu dimulakan. Susunan unit pelajaran haruslah berdasarkan prinsip-prinsip mengajar iaitu mengikut pemeringkatan perkembangan mental atau fizikal pelajar, pengetahuan yang sedia ada serta kemahiran-kemahiran yang telah dikuasai. Biasanya susunan unit pelajaran dalam buku teks atau topik kuliah menjadi pertimbangan asas semasa merancang susunan unit pelajaran untuk rancangan mengajar semester.

8.2.1 Contoh Rancangan Kerja Semester

| Mata pelajaran/ kursus: | | | | | |
|-------------------------|--------|-------------------------------|-----------|-----------------|----------------------------------|
| Tingkatan/ Unit: | | | | | |
| Tempoh Minggu: | | | | | |
| Tarikh: | | | | | |
| Semester | Minggu | Topik mengikut tajuk mengajar | Kemahiran | Penerapan nilai | Strategi pengajaran-pembelajaran |
| | | | | | |

8.3 Rancangan Kerja Mingguan

Manakala rancangan kerja mingguan haruslah disediakan berdasarkan kepada rancangan kerja semester. Perkara-perkara penting seperti tingkatan, mata pelajaran, topik, kemahiran dan penerapan nilai harus direkodkan rancangan kerja mingguan.

8.3.1 Contoh Format Rancangan Kerja Mingguan

| | | | |
|---------------------------|---------------------------------------|-----------|-----------------|
| Semester: | | | |
| Tarikh: | | | |
| Mata pelajaran/ Kursus | Topik/ pengetahuan (isi penting) | kemahiran | Penerapan nilai |
| | | | |

8.4 Contoh Format Rancangan Kerja Harian Bahasa Arab (Maimun Aqsha).

| | |
|--------------|---|
| الصف : | الأول |
| الفرقة : | الفرقة |
| اليوم : | الربيعاء |
| التاريخ : | .../.../...هـ |
| الحصة : | الثانية |
| الزمن : | اربعون دقيقة (من الثامنة إلى الثامنة وأربعون دقيقة صباحا) |
| عدد الطلاب : | ... طالبا |
| الحاضرون : |طالبا |
| المادة : | اللغة العربية العالية |
| الموضوع : | تقسيم الإسم الى مذكر ومؤنث |

الغرض العام : أن يفهم الطلاب ما هو الإسم المذكر والمؤنث

الغرض الخاص : في اخر الدرس يستطيع الطلاب :

١- أن يميزوا بين المذكر والمؤنث مع ذكر علامات المؤنث

٢- أن يعينوا مؤنثا لفظيا ومعنويا ومؤنثا معنويا

القيمة الخلقية : احترام الصداقة

النشاط اللغوي:

- ١- مهارة الكلام
- ٢- مهارة الإستماع
- ٣- مهارة القراءة
- ٤- مهارة الكتابة

الربط : التاريخ الإسلامى

محتوى الدرس : الأمثلة والبحث والقواعد وتدريبات

معلومات التلاميذ السابقة : الطلاب قد درسوا " الإسم " فى الدرس السابق

المراجع : تيسير النحو للصف الأول الإعدادى

الوسائل التعليمية :

- ١- ماتيليا كارد
- ٢- الصور
- ٣- السبورة
- ٤- الأشعة فوق الرأس
- ٥- الكتاب
- ٦- الأقلام الملونة
- ٧- كارد

Contoh di atas adalah satu daripada rancangan pengajaran harian yang dicadangkan oleh Dr. Maimun Aqsha dalam bukunya yang bertajuk kedah-kaedah pengajaran Bahasa Arab. Dalam buku panduan yang dikeluarkan oleh unit Bahasa Arab Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, terdapat beberapa contoh rancangan pengajaran bahasa Arab berdasarkan beberapa kaedah seperti tematik, kaedah perbincangan, kaedah lawatan, kaedah simulasi, kaedah deduktif, kaedah main peranan dan lain-lain.

8.5 Contoh Rancangan Pengajaran Yang Menggunakan Kaedah Tematik.

- (١) المادة : اللغة العربية الإتصالية
- (٢) السنة : الأولى
- (٣) الطريقة : الموضوعية
- (٤) الموضوع : من جد وجد ومن زرع حصد
- (٥) المحتوى : نص القراءة الموسوعة
- (٦) التسريب : اللغة الملايوية والتربية الإسلامية
- (٧) الربط : القواعد العربية والثروة اللغوية
- (٨) التكامل : مهارات الإستماع والكلام والقراءة والكتابة
- (٩) التركيز : مهارتا الكلام والقراءة
- (١٠) المعلومات السابقة : تعلم الطلبة نص القراءة الأساسي وتدريبه من الكتاب المدرسي (الوحدة الثالثة)
- (١١) الوسيلة : (أ) بطاقة الصور
(ب) الشريط والمسجل
- (١٢) الإعداد : (أ) نص القطعة المسجل
(ب) قائمة المفردات المختارة من القطعة
(ج) الحكمة المختارة من القطعة
- (١٣) القيم : العمل بجد ونشاط
- (١٤) أهداف التعلم :
في اخر الحصّة, يستطيع الطلبة:
(أ) المستوى الأول:
توضيح معاني المفردات المكتوبة بعرض الأدوات المحسوسة أو الصور أو الرسومات.
(ب) المستوى الثاني:
توضيح معاني المفردات المقروءة والمكتوبة بالإشارات أو بالحركات التمثيلية أو بالتمثيل.
(ج) المستوى الثالث:

بيان مفهوم الحكمة الموسوعة والمقروعة والمكتوبة بذكر الحكم والأمثال
الملايوية.

١٥) مهارة التفكير النقدي والإبداعى (KBKK):

توضيح معانى المفردات (menginterpretasi)

١٦) التمهيد (٤ دقائق):

أ) عرض المدرس الملصقات (kolaj) عن طالب يقوم من نومه ويصلى الصبح
ويدرس بجد ونشاط ويسلم الهدايا.

ب) يسأل المدرس الطلبة:

- ماذا ترون فى هذه الصورة ؟

- ماذا يعمل طالب كما ترونه فى هذه الصورة ؟

ج) من إجابة الطلبة يربط المدرس وكتابته على السبورة.

١٧) التطور (٣٣ دقيقة) :

| الخطوة | المستوى | المحتوى | أنشطة المدرس | أنشطة الطلبة |
|---------------------|-----------------------------|--|--|---|
| الأولى (٨ دقائق) | الأول والثاني والثالث | الموضوع: من جد وجد ومن زرع حصد الأب ينصح ابنه ويقول: أبو بكر طالب مجتهد يقوم من نومه مبكرا ويصلى الصبح جماعة فى المسجد. يدرس فى المدرسة بجد ونشاط ويقراء دروسه فى المساء ويكتب الواجب المنزلى فى الليل. ينجح ابو بكر فى الإمتحان بتفوق ويحصل على جائزة الطالب المثالى فى المدرسة. قال الأب : يا بني! هذه القصة تناسب الحكمة : من جد وجد ومن زرع حصد. | * المدرس يسمع القطعة من الشرط والمسجل. * المدرس يسمع القطعة مرة ثانية من كتاب اللغة العربية. | * الطلبة يستمعون إلى القطعة من الشرط والمسجل. * الطلبة يحاكون القطعة. |

| | | | | |
|---------|-------|--|---|--|
| الثانية | الأول | قائمة المفردات المختارة من القطعة: -الأب - ابنه - طالب - مجتهد - المسجد - المدرسة - المساء - | *المدرس يشرح معانى الكلمات الجديدة بعرض | * الطلبة يستمعون إلى شرح المدرس. * الطلبة يوضحون |
|---------|-------|--|---|--|

| | | | |
|---|---|---|------------------------|
| معاني الكلمات المدرسة بعرض الأدوات المحسوسة أو الصور أو الرسومات. | الأدوات المحسوسة أو الصور أو الرسومات | الإمتحان | (١٠ دقائق) |
| * الطلبة يناقشون معاني المفردات | * المدرس يوزع للطلبة المفردات المختارة من القطعة | قائمة المفردات المختارة من القطعة: - ينصح - يقول - يقوم - يصلي - يدرس - يكتب - ينجح - يحصل | الثاني |
| * الطلبة يناقشون معاني الحكمة المختارة من القطعة | * المدرس يوزع للطلبة الحكمة المختارة من القطعة | قائمة الحكمة المختارة من القطعة: من جد وجد ومن زرع حصد | الثالث |
| * الطلبة يوضحون الكلمات المدروسة بعرض الأدوات المحسوسة أو الصور أو الرسومات | * المدرس يشرف على عمل الطلبة. | قائمة المفردات المختارة من القطعة: - الأب - ابنه - طالب - مجتهد - المسجد - المدرسة - المساء - الإمتحان | الثالثة (٥ دقيقة) |
| * الطلبة يصغون إلى توضيح معاني الكلمات المدروسة بعرض الأدوات المحسوسة أو الصور أو الرسومات. | * المدرس يشرف على عمل الطلبة | | الثاني والثالث |
| * الطلبة يوضحون معاني الكلمات المدرسة بالإشارات أو بالحركات التمثيلية أو بالتمثيل | * المدرس يشرف على عمل الطلبة | قائمة المفردات المختارة من القطعة: - ينصح - يقول - يقوم - يصلي - يدرس - يكتب - ينجح - يحصل | الرابعة (٥ دقائق) |
| * الطلبة يصغون | * المدرس يشرف | | الأول |

| | | | | |
|--|---------------------------------|---|---------------------------------|--|
| إلى توضيح معاني الكلمات المدروسة بالإشارات أو بالحركات التمثيلية أو بالتمثيل | على عمل الطلبة | | والثالث | |
| * الطلبة يشرحون مفهوم الحكمة المدروسة بذكر الحكم الملايوية | * المدرس يشرف على عمل الطلبة | قائمة الحكمة المختارة من القطعة: من جد وجد ومن زرع حصد | الثالث) الخامسة (٥ دقائق) | |
| * الطلبة يصغون إلى بيان مفهوم الحكمة المدروسة بذكر الحكم الملايوية. | * المدرس يشرف على عمل الطلبة | | الأول والثاني | |

8.6 Contoh Format Rancangan Pengajaran Mingguan Bahasa Arab (Dr. Maimun Aqsha)

الأسبوع :

من : / / إلى : / /

الصف : الفرقة :

| اليوم | التاريخ | الحصة | المادة | الموضوع | خطوات التدريس* | القيم الخلقية | الوسائل التعليمية |
|-------|---------|-------|--------|---------|-------------------|------------------|----------------------|
| | | | | | | | |

*خطوات التدريس : ٨-١

9.0 PENUTUP

Dalam bab ini terdapat keterangan yang menunjukkan bahawa gaya pengajaran, gaya pembelajaran, kemahiran mengajar, model pengajaran, rancangan pengajaran merupakan komponen penting dalam pemilihan dan pelaksanaan strategi pengajaran terutama pengajaran Bahasa Arab yang menjadi fokus dalam perbincangan. Kesemua komponen ini perlu dilihat secara bersama dan bukan berasingan supaya ia dapat melahirkan satu strategi pengajaran Bahasa Arab yang berkesan. Selain itu peranan guru cukup penting dalam meningkatkan tahap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab walaupun ianya masih lagi banyak yang belum diterokai dan dipertingkatkan dari masa ke semasa supaya pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dapat seiring dengan bahasa-bahasa lain.

10.0 RUJUKAN

Esah Sulaiman. 2004. *Pengenalan Pedagogi*. Ed pertama. Universiti Teknologi Malaysia

Evelyn J. Sowell. 2005. *Curriculum An Integrative Introduction*. 3rd Edition. New Jersey, Upper Saddle River.

Jack C. Richards. 2001. *Curriculum Development in Language Teaching*. Cambridge University Press.

Maimun Aqsha Lubis. 2006. طرق تدريس اللغة العربية وإعداد دروسها في ماليزيا . Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia

Mok Soon Sang. 2006. *Nota Pengurusan Pengajaran-Pembelajaran*. Multimedia ES Resources Sdn Bhd.

Mok Soon Sang. 2000. *Ilmu Pendidikan KPLI Semester Dua*. Kuala Lumpur, kumpulan budiman Sdn Bhd.

Mujahid Mustafa bahjat. 2004. تعليم اللغة العربية من مفردات القرآن الكريم والحديث الشريف . bangi, Universiti kebangsaan Malaysia.

Panduan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di sekolah menengah. Unit Bahasa Arab Bahagian Kurikulum pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Peter F. Oliva. 2005. *Development of Curriculum*. Edi keenam. Person education. Inc.

Zawawi Hj. Ahmad. 1988. *Strategi Pengajaran Agama Islam KBSM*. Petaling Jaya, Fajar Bakti Sdn Bhd.